

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bolehkah pihak Kementerian memastikan harga lantai bagi getah dengan Kerajaan membeli getah terlebih dahulu untuk stok penimbang supaya nasib pekebun getah terbelah tanpa mengambil kira turun naik harga di pasaran dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan buat masa ini sedang mempertimbangkan satu mekanisma “*social safety net*” yang sesuai bagi membantu pekebun kecil getah menangani kesan kejatuhan harga getah. Di bawah mekanisma ini, Kerajaan akan menetapkan satu paras harga yang sesuai dan munasabah kepada pekebun kecil. Ini bertujuan untuk memastikan golongan ini mendapat pendapatan yang berpatutan serta mengurangkan beban kewangan mereka akibat kejatuhan harga getah. Tarikh pelaksanaan mekanisma ini akan ditentukan selepas cadangan ini ini diluluskan oleh Kerajaan.

Berhubung dengan mekanisma stok penimbal, mekanisma ini pernah dilaksanakan oleh *International Natural Rubber Organisation* (INRo) yang keanggotaannya terdiri daripada negara-negara pengeluar dan pengguna getah asli dunia, dan ianya didapati tidak berkesan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan mekanisma stok penimbal.

Sekian, terima kasih.